



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 49

15hb Februari 1996

No. 4

No. 139.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 1992

PEMBERITAHUAN FATWA DI BAWAH SEKSYEN 34(3)

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 34(2) Enakmen *En. 11/65* Pentadbiran Agama Islam 1992, Sahibus Samahah Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan membuat fatwa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa "Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak" Darul Ridzuan pada 2 Jamadilawal 1416 bersamaan 27 September 1995, dan atas titah perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan mengisyiharkan fatwa tersebut seperti berikut:

"A BAHAWA BUKU YANG BERTAJUK—

- (a) "Hadis Satu Penilaian Semula" dan "Hadis Jawapan Kepada Pengkritik" yang kedua-duanya ditulis oleh Kassim Ahmad;
- (b) "Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu—Hadith di dalam al-Quran" yang ditulis oleh Idris Abdul Rahman;
- (c) "Bacaan" yang ditulis oleh Othman Ali;
- (d) "The Computer Speaks—God's Message To The World" yang ditulis oleh Dr. Rashad Khalifa,

adalah mengandungi ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang bertentangan dengan aqidah, syariah dan akhlak Islam serta mengeliru dan menyesatkan masyarakat Islam. Ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung dalam buku-buku tersebut, antara lain, menolak hadith sahih (iaitu hadith yang disahkan bersumber daripada Rasulullah S.A.W.) sebagai sumber aqidah dan perundangan Islam, menghina kedudukan Rasulullah S.A.W. dan menghina al-Quran dengan mempertikaikan kesahihan serta memesongkan pengertian sebenar ayat-ayat al-Quran tersebut.

- B. BAHAWA orang dan kumpulan orang yang berpegang kepada ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung dalam buku-buku yang disebut terdahulu adalah suatu kumpulan orang yang sesat dan bertentangan dengan aqidah, syariah dan akhlak Islamiah.

C. OLEH YANG DEMIKIAN—

- (1) mana-mana orang atau kumpulan yang berpegang kepada ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung dalam buku "Hadis Satu Penilaian Semula", "Hadis Jawapan Kepada Pengkritik", "Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu—Hadith Di Dalam al-Quran", "Bacaan" atau "The Computer Speaks: God's Message To The World" adalah murtad;
- (2) mana-mana orang Islam adalah dilarang—
 - (a) mengajar, mempelajari, mengamalkan berpegang kepada atau menyebarkan ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman yang terkandung dalam buku "Hadis Satu Penilaian Semula", "Hadis Jawapan Kepada Pengkritik", "Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu — Hadith Di Dalam al-Quran", "Bacaan" atau "The Computer Speaks: God's Message To The World";
 - (b) mencetak, menerbitkan, memiliki, menyiarkan, menyebarkan atau mengedarkan buku "Hadis Satu Penilaian Semula", "Hadis Jawapan Kepada Pengkritik", "Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu — Hadith Di Dalam al-Quran", "Bacaan" atau "The Computer Speaks: God's Message To The World"; atau mana-mana bahagiannya, termasuk—
 - (i) apa-apa bentuk, versi atau variasinya;
 - (ii) apa-apa terjemahannya dalam apa-apa bahasa;
 - (iii) apa-apa bahan publisiti yang bertujuan memberikan publisiti kepada mana-mana buku itu,

pada atau atas apa-apa bahan, sama ada bahan cetak atau elektronik atau selainnya atau melalui apa-apa media; atau

(c) menjadi anggota atau memimpin mana-mana Golongan Antihadith atau membantu dalam menghidupkan atau mengembangkan kumpulan sedemikian.".

Bertarikh pada 20hb Januari 1996.

[Majlis 0/Jld. 1; PU. Pk. 15/86.]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia,

DATO' HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAK'ARIA,
Mufti Negeri Perak,
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu,
Perak Darul Ridzuan